



Maybank

PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN (“DIVIDEND REINVESTMENT PLAN” ATAU “DRP”) BAGI DIVIDEN TUNAI INTERIM (SEBAGAIMANA YANG DIDEFINISIKAN DI SINI) YANG DILAKSANAKAN OLEH MALAYAN BANKING BERHAD (“MAYBANK”)

MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940-1946)

100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur

Pada 21 Ogos 2013, Lembaga Pengarah Maybank (“Lembaga Pengarah”) telah mengisytiharkan dividen tunai interim satu peringkat (*single-tier interim dividend*) sebanyak 22.5 sen bagi setiap saham biasa Maybank bernilai RM1.00 sesaham (“Saham Maybank”) bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Disember 2013 (“Dividen Tunai Interim”). Lembaga Pengarah juga telah memutuskan bahawa DRP akan diguna pakai bagi pembayaran Dividen Tunai Interim di mana bahagian boleh pilih sebanyak 16.0 sen bagi setiap Saham Maybank yang dipegang (“Bahagian Boleh Pilih”) boleh dilaburkan semula ke dalam Saham Maybank baru dan bahagian selebihnya sebanyak 6.5 sen bagi setiap Saham Maybank yang dipegang akan dibayar secara tunai.

Setiap pemegang saham yang layak mempunyai pilihan-pilihan berikut terhadap Bahagian Boleh Pilih:

- (a) Memilih untuk menerima seluruh Bahagian Boleh Pilih dalam tunai; atau
- (b) Memilih untuk melabur semula seluruh Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM9.20 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 11 September 2013; atau
- (c) Memilih untuk melabur semula sebahagian daripada Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM9.20 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 11 September 2013 dan menerima bahagian selebihnya daripada Bahagian Boleh Pilih dalam tunai.

Sekiranya anda adalah pemegang saham kami yang layak, sila ambil perhatian kepada tarikh-tarikh berikut:

Tarikh dan masa akhir untuk menyerahkan Borang : Isnin, 14 Oktober 2013 pada jam 5.00 petang, atau sebarang tarikh dan masa yang mungkin dilanjutkan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan budi bicara mutlak mereka

Terbitan dan peruntukan Saham-saham Maybank baru : Jumaat, 25 Oktober 2013
serta pembayaran dividen tunai kepada pemegang saham yang layak

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai DRP, anda boleh menghubungi Pendaftar bagi DRP di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur (Tel: +603-2264 3883) atau e-mel kepada is.enquiry@my.tricorglobal.com.

Penasihat bagi DRP



Maybank Investment Bank

Maybank Investment Bank Berhad (15938-4)
(Sebuah Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Bahagian)

Anda boleh melayari laman web Maybank (www.maybank.com/drp) untuk maklumat lanjut berhubung DRP.